

Profesor Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

UTeM.01.14/600-2/4 Jld.23 (3)

Rujukan Kami (Our Ref):

Rujukan Tuan (Your Ref):

Tarikh (Date): 16 Oktober 2024 / 13 Rabiulakhir 1446H

Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi
Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Profesor Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

Profesor Madya Dr. Hidayat bin Zainuddin
Dekan Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik

Profesor Madya Dr. Masrullizam bin Mat Ibrahim
Dekan Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer

Profesor Dr. Mohd Fadzli bin Abdollah
Dekan Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal

Profesor Ir. Dr. Hambali bin Arep @ Ariff
Dekan Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan

YBrs.Profesor/Profesor Madya,

SURAT MAKLUMAN TNCAA BIL. 5/2024:

PEMAKLUMAN HASIL ARTIKULASI MALAYSIAN TECHNICAL UNIVERSITY NETWORK (MTUN) - JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) 2024

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat (Hal Ehwal Akademik) Bilangan 10/2024 telah dimaklumkan mengenai rumusan hasil artikulasi MTUN-JPPKK 2024 yang telah dijalankan sebanyak 3 Siri. Tujuan bengkel ini adalah bagi **mendapatkan jumlah pemindahan kredit yang maksimum bagi pelajar lepasan Politeknik yang menyambung pengajian di MTUN.**

3. Hasil artikulasi ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama merujuk kepada senarai pemindahan kredit yang sedia untuk diberikan kepada pelajar lepasan Politeknik dari bidang yang berkaitan. Manakala, **bahagian kedua** merujuk

SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL AWAM



Perkara : SURAT MAKLUMAN TNCAA BIL. 5/2024:
PEMAKLUMAN HASIL ARTIKULASI MALAYSIAN TECHNICAL UNIVERSITY NETWORK (MTUN) - JABATAN
PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JPPKK) 2024
Muka Surat : 2/2
No. Rujukan : UTeM.01.14/600-2/4 Jld.23 (3)

kepada pemindahan kredit yang boleh diberikan **hanya setelah proses penambahbaikan dilaksanakan** secara bersama oleh pihak MTUN dan JPPKK. Pihak YBrs.Profesor/Profesor Madya boleh merujuk kepada dokumen di **Lampiran I** bagi tujuan ini.

4. Walau bagaimanapun, pemakaian hasil artikulasi ini bagi tujuan pemindahan kredit adalah **tertakluk kepada Versi Kurikulum JPPKK** yang digunapakai oleh pelajar lepasan Politeknik yang memohon pemindahan kredit pada satu-satu masa. **Perkara ini perlu diteliti oleh Fakulti sebelum pemindahan kredit dibenarkan.** Sebarang penambahan senarai kursus pemindahan kredit di peringkat program selain daripada senarai yang dipersetujui oleh kesemua MTUN ini adalah **tertakluk kepada syarat umum pemindahan kredit yang ditetapkan oleh Universiti** seperti dalam Peraturan Akademik Prasiswazah Universiti dan keperluan pengajian program masing-masing,

5. Semoga dengan pemakluman ini akan dapat membantu pihak fakulti dalam merancang proses pemindahan kredit bagi pelajar lepasan Politeknik dan seterusnya meningkatkan enrolmen pelajar UTeM.

6. Fakulti dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya berkenaan perkara ini.

Sekian, wassalam.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menjalankan amanah,



PROFESOR DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

s.k Pengarah, Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik
Pengarah, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi
Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Akademik